



**MINIT MESYUARAT KALI KE-60 MAJLIS BERSAMA JABATAN
YANG DIADAKAN PADA HARI SELASA 27 OGOS 2019, JAM 9.00 PAGI
BERTEMPAT DI BILIK PERSIDANGAN CANCELORI (CCR), KAMPUS INDUK
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

Kehadiran : Pengerusi

YBhg. Profesor Datuk Dr. Asma binti Ismail
Naib Canselor

Ahli Wakil Majikan

YBrs. Profesor Dr. Nor Azazi bin Zakaria
Pengarah Kampus Kejuruteraan

YBhg. Profesor Dato' Dr. Ahmad Farhan bin Mohd Sadullah
Timbalan Naib Canselor
Akademik & Antarabangsa

YBrs. Dr. Musa bin Ali
Pendaftar

YBrs. Dr. Khairul Anuar bin Che Azmi
Penasihat Undang-Undang

Encik Mohd Azizudin Bin Mohd Shariff
Timbalan Pendaftar Kanan
Bahagian Sumber Manusia

Ahli Wakil Pekerja

Wakil Persatuan Kakitangan Akademik dan Pentadbiran USM

YBhg. Profesor Madya Dato' Dr. Sundramoorthy A/L M.Pathmanathan
(Presiden)
Profesor Madya Dr. Baharudin bin Ibrahim
Dr. Ahmad Sufiril Azlan bin Mohamed
Encik Mohammad Zaip bin Ahmad
Dr. Norazharuddin Shah bin Abdullah
Dr. Ooi Cheong Hwa

Wakil Kesatuan Kakitangan Am USM

YBrs. Encik Abdul Rahman bin Md. Ibrahim (Presiden)
Encik Mohd Zulkifly Bin Ibrahim
Encik Azham Bin Murat
Encik Syaarani Amri bin Muhamad
Encik Ramli Bin Yusob
Encik Rahmat bin Md Hassan

Setiausaha Bersama

Encik Mohd Zulkarnain bin Mohamad Tajulariffin
Timbalan Pendaftar
Bahagian Sumber Manusia

Encik Nor Amin Bin Ahmad
Setiausaha
Kesatuan Kakitangan Am

Turut Hadir

YBrs. Profesor Dr. Taksiah Binti A. Majid
Dekan
Pusat Pengajian Kejuruteraan Awam

Encik Rafizal Bin Abd Rahim
Ketua Penolong Bendahari
Jabatan Bendahari

Puan Sarina Binti Razak
Ketua Penolong Pendaftar
Bahagian Sumber Manusia

Puan Siti Hajar Binti Mohd Sani
Penolong Pendaftar Kanan
Bahagian Sumber Manusia

Puan Rozie Aniza Kartini binti Che Ghani
Penolong Pendaftar Kanan
Bahagian Sumber Manusia

Puan Norazreen Binti Abdul Razak
Penolong Pendaftar Kanan
Bahagian Sumber Manusia

Encik Muhammad Fariz Bin Ahmad Ali
Penolong Pendaftar Kanan
Bahagian Sumber Manusia

Tidak Hadir:

YBhg. Profesor Dato' Dr. Ahmad Sukari bin Halim
Pengarah Kampus Kesihatan

YBrs. Dr. Rohayati binti Mohd Isa
Bendahari

Dr. Syahidah Akmal binti Muhammad
Persatuan Kakitangan Akademik dan Pentadbiran USM

Profesor Madya Dr. Muzaimi Mustapha
Persatuan Kakitangan Akademik dan Pentadbiran USM

Encik Ahmad Rizwan bin Zulkharnain
Kesatuan Kakitangan Am USM

MINIT 1 Aluan Pengerusi

Mesyuarat dimulakan dengan ucapan aluan daripada Pengerusi kepada semua ahli yang hadir ke Mesyuarat kali ke-60 Majlis Bersama Jabatan. Pengerusi merakamkan ucapan tahniah kepada Pendaftar dan Bahagian Sumber Manusia (BSM) di atas penglibatan bersama dalam menyelesaikan isu-isu yang timbul di dalam Universiti.

Mesyuarat mengalu-alukan kedatangan YBrs. Profesor Dr. Taksiah Binti A. Majid, Dekan Pusat Pengajian Kejuruteraan Awam, yang sedang menjalankan tugas Pengarah Kampus, Kampus Kejuruteraan.

Mesyuarat mengambil maklum berkenaan ketidakhadiran ahli majlis daripada Wakil Pegawai dan Wakil Pekerja ke Mesyuarat kali ke-60 Majlis Bersama Jabatan.

[Tindakan : Makluman]

MINIT 2 Pengesahan Minit Mesyuarat

Mesyuarat merakamkan ucapan terima kasih kepada wakil Pengarah Kampus, Kampus Kesihatan di atas kerjasama membantu penganjuran Mesyuarat kali ke-59 MBJ di Kampus Kesihatan buat kali pertama.

Mesyuarat mengesahkan Minit Mesyuarat ke-59 Majlis Bersama Jabatan yang telah diadakan pada hari Ahad, 30 Jun 2019, jam 9.00 pagi bertempat di Dewan Persidangan Universiti, Kampus Kesihatan, Universiti Sains Malaysia.

[Tindakan : Urusetia MBJ]

MINIT 3 Perkara-Perkara Berbangkit Dari Mesyuarat Ke-59

3.1 [Minit 3.3] Cadangan Model Insurans Kelompok

Mesyuarat dimaklumkan bahawa maklumat dan data telah disediakan oleh pihak BSM dan telah diberikan kepada Jabatan Bendahari untuk tindakan selanjutnya. Pihak Bendahari memaklumkan kepada mesyuarat bahawa perkara ini perlu mendapat persetujuan daripada empat (4) sumber iaitu BSM, Klinik Panel, HUSM dan Pusat Sejahtera sebelum ianya dihantar secara lengkap kepada pihak insurans.

Pengerusi mencadangkan supaya pihak Bendahari mengemukakan maklumat dan data yang telah tersedia kepada pihak insurans dengan segera.

Keputusan;

Mesyuarat mengambil perhatian dan bersetuju supaya perkara ini dibincangkan semula di peringkat pasca mesyuarat MBJ dan akan dibentangkan semula dalam mesyuarat MBJ seterusnya.

[Tindakan : Jabatan Bendahari]

3.2 [Minit 4.1.4]: Hari Warga USM

Pengerusi memaklumkan bahawa Universiti telah berjaya menganjurkan Hari Warga USM 2019 yang telah dilaksanakan pada 16 dan 17 Ogos 2019 dengan jayanya. Penganjuran Hari Warga USM pada tahun ini mendapat sambutan yang sangat memberangsangkan dari pelbagai pihak termasuk pelajar, alumni dan pesara. Semua peserta yang menyertai setiap aktiviti telah bersaing secara sihat dan persembahan yang sangat baik sehingga semangat kekeluargaan itu dapat dirasai. Bakat yang ditonjolkan adalah sesuatu yang perlu dibanggakan oleh Universiti.

Mesyuarat dimaklumkan bahawa pesara dan alumni merakamkan setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Naib Canselor di atas inisiatif Universiti menganjurkan aktiviti seperti ini. Dengan diadakan aktiviti seperti ini, para alumni dan pesara dapat bersama-sama meluangkan masa antara satu sama lain seterusnya dapat merapatkan hubungan silaturahim serta mengimbuai kenangan yang dirindui semasa berkhidmat di Universiti dahulu.

Mesyuarat dimaklumkan bahawa Hari Warga USM yang seterusnya akan diadakan di Kampus Kejuruteraan.

Keputusan;

Mesyuarat mengambil maklum berkenaan perkara ini.

[Tindakan : Makluman]

MINIT 4 Perkara Daripada Pihak Majikan

- Tiada Perkara daripada Pihak Majikan

MINIT 5 : Perkara Daripada Pihak Pekerja

5.1 Persatuan Kakitangan Akademik dan Pentadbiran USM (PKAPUSM)

5.1.1 Mesyuarat Rasmi Pada Hari Selain Hari Bekerja dan Sebelum Cuti Perayaan

Pihak PKAPUSM mencadangkan agar mesyuarat rasmi yang akan diadakan pada hari selain hari bekerja dan hari sebelum menjelang cuti perayaan perlu mengambil kira sensitiviti staf Universiti kerana ia turut melibatkan banyak pihak.

Mesyuarat dimaklumkan bahawa Universiti sedang mempraktik dengan mempertimbangkan segala aktiviti yang melibatkan pelajar, peperiksaan atau kelas tidak akan diadakan sehari sebelum cuti perayaan.

Keputusan;

Mesyuarat bersetuju dan mengambil maklum bahawa Universiti akan mempertimbangkan perkara ini dengan mengambil kira sensitiviti staf apabila ingin mengadakan mesyuarat sebelum cuti perayaan di Malaysia.

[Tindakan : Makluman]

5.1.2 Status Kemajuan Pembangunan Lima (5) Trek Bagi Kemajuan Kerjaya Staf Akademik

Mesyuarat dimaklumkan bahawa inisiatif Universiti dalam membangunkan laluan kemajuan kerjaya staf akademik melalui lima (5) trek adalah amat baik dan bersesuaian bagi menilai prestasi staf akademik Universiti.

Mesyuarat memaklumkan kepada mesyuarat berkenaan status pelaksanaan lima (5) Trek Laluan Kerjaya Profesor. Trek Laluan Kerjaya tersebut telah diluluskan oleh Mesyuarat Exco Naib Canselor Bil. 2 Tahun 2018. Lima (5) trek yang terdapat di dalam Trek Laluan Kerjaya Profesor ialah Trek Standard, Trek Penyelidikan, Trek Pengajaran, Trek Profesional (Klinikal) dan Trek Kepimpinan (Gred Khas A dan B). Proses laluan kerjaya bagi Trek Standard, Trek Penyelidikan, dan Trek Kepimpinan (Gred Khas A dan B) telah selesai manakala proses bagi Trek Pengajaran dan Trek Profesional (Klinikal) masih dalam proses.

Mesyuarat dimaklumkan bahawa Universiti juga sedang mengkaji semula proses kenaikan pangkat secara menyeluruh termasuk sistem lima (5) trek dengan melihat dan mengkaji pelaksanaannya di universiti-universiti lain. Walau bagaimanapun, untuk makluman mesyuarat, universiti-universiti lain tidak melaksanakan sistem ini seperti mana yang dilaksanakan oleh USM. Namun, masih terdapat beberapa kelemahan dari segi instrumen yang perlu diperbaiki dalam sistem kenaikan pangkat ini. Sistem ini juga perlu dilihat semula bagi mewujudkan elemen keadilan untuk semua pihak. Universiti bersetuju untuk mengiktiraf kriteria khas untuk staf yang telah memberi sumbangan besar kepada Universiti.

Pendaftar mencadangkan supaya sistem permohonan kenaikan pangkat adalah melalui atas talian atau "online" pada tahun hadapan kerana ianya akan lebih objektif dan sistematik.

Keputusan;

Mesyuarat bersetuju dan mengambil perhatian berkenaan perkara ini.

[Tindakan : Makluman]

5.1.3 Hari Pakaian Kemas dan Ringkas (*Smart Casual*)

Pihak PKAPUSM mencadangkan pihak Universiti untuk mempertimbang bagi mewujudkan hari pakaian kemas dan ringkas (*smart casual*) pada salah satu hari bekerja setiap minggu. Justeru, pihak PKAPUSM mencadangkan supaya hari Jumaat bagi Kampus Induk dan Kampus Kejuruteraan sebagai hari pakaian '*smart casual*' bagi semua staf Universiti manakala bagi staf di Kampus Kesihatan boleh mencadangkan mana-mana hari yang bersesuaian. PKAPUSM berpendapat bahawa pemakaian '*smart casual*' di tempat kerja dapat menggalakkan persekitaran yang lebih ceria di kalangan staf.

Pendaftar memaklumkan kepada mesyuarat bahawa pada setiap hari Isnin dan Selasa, Pegawai Tadbir perlu memakai kemeja beserta tali leher yang lengkap semasa bertugas. Perkara ini telah diputuskan di dalam Program Kecemerlangan Bakat Pegawai Tadbir USM yang telah diadakan pada 12 hingga 14 April 2019 dan bersetuju untuk dipraktikkan di kalangan Pegawai Tadbir bermula 15 April 2019.

Keputusan;

Mesyuarat mengambil perhatian berkenaan perkara ini dan bersetuju sekiranya cara pemakaian staf yang sedang dipraktikkan di Universiti adalah dikekalkan kerana ianya telah menunjukkan imej yang baik dan selesa. Mesyuarat juga bersetuju cara pemakaian staf adalah tertakluk kepada kesesuaian.

[Tindakan : Makluman]

5.2 Perkara Daripada Kesatuan Kakitangan Am USM (KKAUSM)

5.2.1 Taskforce Kajian dan Cadangan Pelaksanaan Waktu Fleksi di Universiti Sains Malaysia

Mesyuarat dimaklumkan bahawa pada 16 Julai 2019 pihak JPA telah mengeluarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2019 berkenaan Pelaksanaan Waktu Bekerja Fleksi Di Agensi Kerajaan Persekutuan.

Mesyuarat juga dimaklumkan bahawa pihak KKAUSM dengan sokongan BSM telah mengambil inisiatif mengadakan makmal berkenaan perkara ini pada 14 dan 15 Ogos 2019 yang lalu untuk meneliti kesesuaian pelaksanaan WBF ini

di USM dengan mengambil kira waktu bekerja shif bagi beberapa skim perkhidmatan dalam Universiti yang sedia ada.

Mesyuarat dimaklumkan bahawa pada tahun 2017 kerajaan telah mengeluarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2017 iaitu Penambahbaikan Waktu Bekerja Berperingkat (WBB) di Agensi Kerajaan Persekutuan sebelum pekeliling perkhidmatan mengenai pelaksanaan waktu bekerja fleksi dikeluarkan.

Timbalan Pendaftar Kanan, BSM membentangkan kepada mesyuarat berkenaan hasil makmal dan cadangan pelaksanaan waktu bekerja fleksi tersebut. Timbalan Pendaftar Kanan, BSM mencadangkan bahawa pelaksanaan waktu bekerja fleksi ini bermula pada 1 Oktober 2019 untuk dilaksanakan di Pusat Tanggungjawab/Jabatan tertentu sebelum ianya dilaksanakan secara keseluruhan di Universiti.

Timbalan Naib Canselor, Bahagian Akademik dan Antarabangsa mencadangkan bahawa pelaksanaan waktu bekerja fleksi ini dilaksanakan kepada setiap Pusat Tanggungjawab/Jabatan yang terlibat bermula 1 Oktober 2019 secara "*Pilot Test*" bagi melihat semula keberkesanan pelaksanaannya.

Mesyuarat memaklumkan bahawa pelaksanaan WBF ini juga perlu tertakluk kepada arahan Ketua Jabatan, perlu mengambil kira teknikal staf yang bekerja di makmal, tidak memberi kesan kepada penyampaian perkhidmatan (*service delivery*) di Universiti dan perlu mempunyai rekod yang bertulis atau disistemkan untuk memudahkan gerak kerja sekiranya berlaku kemalangan.

Keputusan;

Mesyuarat bersetuju sekiranya pelaksanaan waktu bekerja fleksi ini dilancarkan secara keseluruhan di Universiti pada 1 Oktober 2019 dan mengambil maklum bahawa perkara ini akan dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU) pada 28 Ogos 2019.

[Tindakan : Bahagian Sumber Manusia dan KKAUSM]

MINIT 6 : Hal-hal Lain

6.1 Tempoh Notis Panggilan Mesyuarat

Presiden PKAPUSM membangkitkan isu berkenaan tempoh notis panggilan mesyuarat dikeluarkan dalam tempoh yang terlalu singkat. Pihak PKAPUSM mohon Universiti mengambil maklum dan perhatian tentang perkara ini.

Keputusan;

Mesyuarat mengambil maklum dan perhatian mengenai perkara yang dibangkitkan oleh pihak PKAPUSM ini.

[Tindakan : Makluman]

6.1 Ucapan Penghargaan dan Terima Kasih kepada Naib Canselor bagi Pihak PKAPUSM

Presiden PKAPUSM memberikan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada YBhg. Profesor Datuk Dr. Asma Ismail di atas perkhidmatan beliau sebagai Naib Canselor Universiti Sains Malaysia selama 3 tahun. Berikut adalah petikan ucapan daripada Presiden PKAPUSM:

“THANK YOU”

**YBhg. Prof. Datuk Dr. Asma Ismail
Vice Chancellor
Universiti Sains Malaysia**

“We take this opportunity to state officially our gratitude and appreciation for your visionary, democratic, pacesetting and transformational leadership.

Your track record as a leader of USM will never be forgotten. From a Lecturer to Professor, from a Director to Vice Chancellor, you have been exemplary to ALL. You operationalized “Kami Memimpin”. You made each of us feel important and that every staff both academic and non-academic is an important asset and contributor to the betterment of USM.

Although firm but always fair and just. Your firmness on matters related to good governance and integrity could never be bought over.

Finally, we pray to the ALMIGHTY that you will come back to lead us at USM. If not, we pray to the ALMIGHTY that you will lead the people of this great nation as a loyal daughter and a true scholar in a higher capacity.”

Note: A brief thank you note from the President & Exco Members of Persatuan Kakitangan Akademik & Pentadbiran Universiti Sains Malaysia (PKAPUSM) presented during Mesyuarat Kali Ke-60 Majlis Bersama Jabatan Universiti Sains Malaysia on 27 August 2019 at Bilik Persidangan Canselori (CCR), Aras 6, Bangunan Canselori, Universiti Sains Malaysia.

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.40 pagi dengan ucapan terima kasih dari Pengerusi kepada semua ahli MBJ yang hadir.

Disediakan oleh :



ENCIK MOHD ZULKARNAIN BIN
MOHAMAD TAJULARIFFIN
Setiausaha Bersama MBJ USM

Disediakan oleh :



ENCIK NOR AMIN BIN AHMAD
Setiausaha Bersama (Wakil Pekerja)
MBJ USM